



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 1, January 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Pengaruh Iklim Organisasi Sekolah Terhadap Kesedaran Metakognisi dalam kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah di Zon Pulau, Utara Sabah

Haidi Bin Entoh¹, Mohd. Khairuddin Abdullah @ Jerry¹

¹Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Haidi Bin Entoh (dnies@rocketmail.com)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kekuatan pengaruh iklim organisasi sekolah yang merangkumi empat dimensi iaitu kepimpinan kolejial, profesionalisme guru, penekanan akademik dan penglibatan masyarakat ke atas kesedaran metakognisi bagi guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah rendah pulau di Zon Utara Sabah. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, kajian ini adalah berlandaskan kepada reka bentuk kajian 'eks post facto'. Data dikumpul menerusi instrumen soal selidik dengan menggunakan "School Climate Index" (SCI) dan "Metacognitive Awareness Inventory for Teacher" (MAIT). Menerusi reka bentuk persampelan bertujuan, seramai 151 orang guru yang mengajar di 14 buah sekolah rendah di dalam zon pulau tersebut terlibat dalam kajian ini. Statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan untuk menganalisis data dan seterusnya membentangkan hasil dapatan kajian. Data dianalisis dengan menggunakan analisis Regresi Berganda. Dapatan kajian mendapati aras iklim organisasi sekolah ($M=4.15$, $SD=.40$) dan kesedaran metakognisi guru ($M=4.11$, $SD=.40$) berada pada aras yang tinggi dan positif. Keputusan daripada analisis regresi berganda menunjukkan bahawa dua dimensi daripada konstruk iklim organisasi sekolah iaitu kepimpinan kolejial ($\beta=.293$, $t= 3.536$, $p<.05$) dan dimensi penekanan akademik ($\beta=.411$, $t= 3.921$, $p<.05$). didapati mampu memberikan sumbangan nilai peramal yang signifikan terhadap kesedaran metakognisi guru dan seterusnya menolak hipotesis null. Implikasi kajian juga telah dibincangkan.

Kata kunci: iklim organisasi sekolah, kolejial, kesedaran metakognisi, nilai peramal

The Influence of School Organizational Climate on Metacognition Awareness among Primary School Teachers in the North Island Zone of Sabah

Abstract

The purpose of this study is to determine the strength of the school's organizational climate influences, which includes four dimensions: collegial leadership, teacher professionalism, academic emphasis and community involvement on metacognition awareness among teachers that working in primary schools in the Northern Island Zone of Sabah. Using a quantitative approach, this study is based on an 'ex post facto' study design. The data were collected through questionnaire instrument by using the "School Climate Index" (SCI) and "Metacognitive Awareness Inventory for Teacher" (MAIT). Through the purposive sampling design, a total of 151 teachers that teaching at 14 primary schools in the island zone were involved in this study. Descriptive and inference statistics were used to analyze the data and to

present the findings of the study. The data were analyzed by using Multiple Regression Analysis. The findings show that the level of school organization climate ($M = 4.15$, $SD = .40$) and teachers' metacognition awareness ($M = 4.11$, $SD = .40$) are at a high and positive level. The results of the multiple regression analysis showed that two dimensions of the constructs of the school organization climate : collegial leadership ($\beta = .293$, $t = 3.536$, $p < .05$) and the dimensions of academic emphasis ($\beta = .411$, $t = 3.921$, $p < .05$) found to be able to contribute significant predictor value to teacher metacognition awareness and thus reject the null hypothesis. Research implications have also been discussed.

Keywords: school organizational climate, collegial, metacognition awareness, predictor value

Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan berhasrat melahirkan insan yang baik dan sempurna yang seterusnya akan menjadi warganegara yang baik serta memiliki ciri-ciri mempercayai dan mematuhi ajaran tuhan, berilmu pengetahuan, berketerampilan, bermoral tinggi, bersahsiah seimbang, bersedia menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara serta bertanggungjawab kepada diri, agama, bangsa, masyarakat dan negara (Abdullah, 2005). Pendidikan adalah sebagai medium tunggal yang bakal membawa perubahan dalam keilmuan, kemahiran, sikap, penghargaan dan kefahaman yang hakiki terhadap setiap aspek dalam persekitaran kita (Goteti, 2012).

Arus pendidikan negara yang semakin berkembang menjadi satu fenomena yang menuntut suatu perubahan drastik ke arah memartabatkan mutu pendidikan kebangsaan sejajar dengan globalisasi pendidikan yang berkualiti tinggi. Pendidikan sebagai sumber penting sebagai agen perubahan ke arah pembentukan acuan yang diinginkan memerlukan reformasi bagi memenuhi keperluan ledakan maklumat menjadi trend dalam penandaarasan pendidikan negara (Dewi, 2015). Berdasarkan kepada agenda penting Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu pembangunan pendidikan berkualiti dan bertaraf dunia, maka guru merupakan golongan yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan daya usaha dan pendekatan pengajaran yang mampu meningkatkan kualiti pendidikan dan memastikan hasil-hasil pembelajaran yang maksimum diperoleh murid-murid di sekolah (Faridah, 2014).

Rothstein (2010) menyatakan bahawa kualiti sistem pendidikan tidak boleh melebihi kualiti gurunya. Jika dilihat dari aspek fungsi, kurikulum adalah cara terbaik untuk pembangunan pelajar secara keseluruhan dan guru adalah pengantara antara kurikulum dan pelajar. Guru tahu pelbagai keperluan pelajar, institusi pendidikan, industri, dan ibu bapa (pihak berkepentingan). Tanpa diragukan lagi, guru merupakan individu yang sangat penting di dalam proses pelaksanaan kurikulum. Dengan pengetahuan, pengalaman dan kecekapan mereka, guru merupakan nadi utama dalam usaha membangunkan kurikulum dan melaksanakannya. Guru berkualiti menyokong pembelajaran yang berkualiti kerana mereka adalah individu yang paling berpengetahuan berkenaan amalan pengajaran dan tanggungjawab untuk memperkenalkan kurikulum di dalam bilik darjah di sekolah (Alsubaie, 2016).

Guru juga tidak dapat dipisahkan dengan sekolah. Sekolah adalah sebuah institusi sosial (Getzels dan Guba, 1970). Dalam masa yang sama, organisasi sekolah adalah terdiri dari pelajar-pelajar, guru-guru, pentadbir dan staf sokongan yang lain. Setiap ahli dalam kumpulan ini mempunyai posisi atau tugas tersendiri dan dijangka bertindak dalam satu arah yang pasti. Peranan yang diharapkan di dalam kumpulan ini adalah berbeza di antara satu sama lain. Secara jelas, hubungan di kalangan warga sekolah ini adalah penuh kepelbagaian dan sangat kompleks. Hanya mereka yang memahami dan secara amnya menerima hubungan ini dengan baik akan membolehkan organisasi sekolah berfungsi dengan lebih efektif (Campbell, Corbally dan Nystrand, 1983). Oleh sebab itu, sebagai pelaksana utama kurikulum, guru seharusnya mempunyai keyakinan dan kepercayaan diri untuk memikul tanggungjawab tersebut disamping mempunyai kesedaran metakognisi ketika melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kajian lepas dalam metakognisi telah menunjukkan

bahawa kesedaran metakognisi adalah sangat perlu untuk pembelajaran yang berjaya. Keputusan dari beberapa kajian lepas, dapatan menekankan tentang kepentingan metakognisi ke atas prestasi (Bulent dan Gulru, 2012).

Pernyataan Masalah

Bertugas dan mengajar di kawasan pedalaman kepulauan seperti di pulau-pulau di Zon Utara Sabah ini memberikan kesan yang agak besar terhadap cara berfikir dan kreativiti guru-guru apatah lagi ketika melaksanakan kurikulum dan pengajaran di bilik darjah. Ini kerana cabaran mengajar di sekolah-sekolah pulau ini amat berbeza dengan kawasan tanah besar. Sekolah-sekolah pulau ini mempunyai kemudahan pengangkutan dan jalan yang terhad serta banyak sekolahnya berada dalam keadaan fizikal yang daif. Kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air juga sangat terhad. Guru-guru terpaksa bergantung kepada perigi dan air hujan sebagai sumber air utama. Kekuatan mental dan fizikal amat diperlukan di dalam mengharungi kesukaran dan cabaran bertugas di sekolah-sekolah ini.

Walaupun serba kekurangan, namun tanggungjawab sebagai pelaksana kurikulum harus dijalankan. Oleh itu amat perlu bagi seorang guru untuk mempunyai kesedaran metakognisi di dalam mencemerlangkan pelaksanaan kurikulum dan pengajaran mereka di sekolah bagi membantu mereka merancang, melaksanakan dan seterusnya membuat penilaian ke atas proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya kesedaran metakognisi juga, guru-guru dan pentadbir dapat mengesan, menilai dan mencari jalan penyelesaian kepada masalah-masalah yang timbul di sekolah. Kilpatrick, (1985); Tall, (1992) menyatakan bahawa kesedaran metakognisi adalah penting supaya guru dapat memahami perlakuan pelajar dalam menyelesaikan masalah. Kebanyakan kajian tentang penyelesaian masalah telah menyarankan supaya guru-guru melaksanakan pedagogi yang lebih berkesan dalam bilik darjah supaya pelajar dapat memahaminya dengan lebih mudah.

Persoalannya, dalam melaksanakan kurikulum dan pengajaran di sekolah, adakah kesedaran metakognisi guru-guru di kawasan –kawasan ini dipengaruhi oleh faktor dan dimensi yang lain seperti iklim organisasi sekolah? Selaras dengan itu juga, adakah aras kesedaran metakognisi guru-guru di sekolah-sekolah rendah pedalaman kepulauan ini lebih tinggi atau sebaliknya? Bagi mengetahui sama ada terdapatnya pengaruh iklim organisasi sekolah terhadap kesedaran metakognisi guru, maka kajian ini dibuat.

Sekolah-sekolah pulau ini dipilih kerana kurangnya kajian-kajian lepas yang berbentuk akademik dan ilmiah dibuat di sini. Kajian yang pernah dibuat di sini adalah lebih kepada kebudayaan, etnografi dan ekonomi masyarakat setempat. Agak sukar untuk mencari dan mendapatkan bahan-bahan kajian bersifat akademik (pendidikan) berkaitan dengan sekolah-sekolah pedalaman pulau ini, apatah lagi kajian mengenai kesedaran metakognisi guru dan iklim organisasi sekolah. Dari aspek logistik, sekolah-sekolah yang dipilih terletak jauh di pulau-pulau yang agak sukar untuk di akses dan mempunyai fasiliti yang agak terhad dan daif.

Tujuan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk menentukan perkaitan antara dua variabel kajian iaitu kesedaran metakognisi guru ("*Declarative Knowledge*", "*Procedural Knowledge*", "*Conditional Knowledge*", "*Planning*", "*Monitoring*" dan "*Evaluating*") dan iklim organisasi sekolah (kepemimpinan kolejial, profesionalisme guru, penekanan akademik, dan penglibatan masyarakat) dalam kalangan guru-guru sekolah rendah pulau di Zon Utara Sabah. Bagi mencapai tujuan kajian, maka objektif kajian yang ditetapkan adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenalpasti tahap kesedaran metakognisi dan iklim organisasi sekolah dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di sekolah-sekolah pulau di Zon Utara Sabah.
- ii. Menentukan pengaruh nilai peramal antara faktor iklim organisasi sekolah terhadap kesedaran metakognisi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di sekolah-sekolah pulau di Zon Utara Sabah.

Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah aras kesedaran metakognisi dan iklim organisasi sekolah dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di sekolah-sekolah pulau di Zon Utara Sabah?
- ii. Adakah terdapat pengaruh nilai peramal iklim organisasi sekolah terhadap kesedaran metakognisi guru?

Berdasarkan tujuan, objektif dan dan persoalan kajian yang dinyatakan di atas, pengkaji telah membina 1 hipotesis null utama seperti yang berikut:

H_{01} : Tidak terdapat sumbangan nilai peramal yang signifikan daripada iklim organisasi sekolah terhadap kesedaran metakognisi guru.

Tinjauan Literatur

Kesedaran Metakognisi Guru

Flavell (1976) menyatakan bahawa metakognisi merujuk kepada kesedaran pengetahuan seseorang terhadap proses-proses kognitifnya. Ini boleh dijelaskan lagi sebagai satu proses kognitif iaitu “*thinking about thinking*” atau berfikir tentang berfikir. Adalah sangat penting untuk menyatakan bahawa metakognisi adalah fenomena pelbagai dimensi (Schraw, 1998). Ianya melibatkan penggunaan kemahiran yang tinggi seperti membuat perancangan, pemantauan, persoalan sendiri dan pemikiran serta keupayaan untuk mengendalikan pelbagai komponen yang diperlukan dalam proses berfikir dan mengingat (Cameron dan Reynolds, 1999).

Schraw (1998) yang menggambarkan metakognisi sebagai satu set pelbagai dimensi umum, juga menegaskan bahawa ianya lebih baik dari domain spesifik dan kemahiran. Kemahiran-kemahiran ini adalah empirik yang berbeza dari kecerdasan umum, dan juga boleh menolong untuk mengganti defisit dalam kecerdasan umum dan atau pengetahuan sedia ada ketika menyelesaikan masalah (Schraw, 1998). Ianya melibatkan penggunaan kemahiran yang tinggi seperti membuat perancangan, pemantauan, persoalan sendiri dan pemikiran serta keupayaan untuk mengendalikan pelbagai komponen yang diperlukan dalam proses berfikir dan mengingat (Cameron dan Reynolds, 1999). Kluwe (1982) menambah dimensi lanjutan kepada teori Flavell’s (1979), definisi metakognisi melalui pengenalan terhadap dua ciri-ciri umum metakognisi iaitu individu yang mempunyai pengetahuan tentang pemikiran kendirinya yang sama dengan pemikiran orang lain dan juga seorang individu boleh memantau dan mengatur pemikiran dirinya sendiri (Hacker, Keener, dan Kircher, 1998). Manakala Kurtz dan Borkowski (1984) dan Schraw (2001), membahagikan metakognisi kedalam dua komponen yang berkaitan, yang dinamakan pengetahuan metakognitif dan kawalan atau peraturan metakognitif.

Dalam kajian lepas, Schraw dan Denilson (1994) mendapati bahawa terdapat hubungan yang rapat diantara pengetahuan dan peraturan dalam kognisi. Pengetahuan tentang kognisi mengukur akan kesedaran tentang kekuatan dan kelemahan seseorang. Peraturan tentang kognisi pula ialah mengukur pengetahuan berkenaan merancang, melaksana, memantau dan menilai strategi yang digunakan. Pengetahuan kognisi merujuk kepada apa yang individu tahu tentang kognisi mereka sendiri atau tentang kognisi secara umum. Ianya termasuklah sekurang-kurangnya tiga jenis kesedaran metakognitif iaitu pengetahuan pengisytiharan ‘*declarative*’, prosedur ‘*procedural*’ dan keadaan ‘*conditional*’ (Schraw dan Moshman, 1995). Pengetahuan ‘*declarative*’ merujuk kepada mengetahui “tentang” sesuatu. Pengetahuan ‘*procedural*’ merujuk kepada mengetahui “bagaimana” untuk membuat sesuatu. Pengetahuan ‘*conditional*’ pula merujuk kepada mengetahui “mengapa” dan “bila” aspek kognisi digunakan.

Dalam kajian ini, Instrumen yang digunakan bagi mengukur dan mengkaji kesedaran metakognisi guru ialah “*Metacognitive Awareness Inventory for Teacher*” (MAIT) sebanyak 24 item yang dibina oleh Cem Balcinkanli (2011) yang diadaptasikan olehnya dari instrumen “*Metacognitive Awareness*

Inventory” (MAI) oleh Schraw dan Denilson (1994). Instrumen ini mempunyai 6 dimensi iaitu “*Declarative Knowledge*”, “*Procedural Knowledge*”, “*Conditional Knowledge*”, “*Planning*”, “*Monitoring*” dan *Evaluating*”.

Iklm Organisasi Sekolah

Faridah (2014) menyatakan bahawa organisasi sekolah merujuk kepada suasana sekolah yang dialami oleh guru-guru dan pentadbir. Ia mencerminkan ciri-ciri dalaman sesebuah sekolah yang berbeza di antara satu sama lain. Ciri-ciri ini mempengaruhi tingkah laku dan sikap ahli sekolah tersebut yang menggambarkan pandangan kolektif tingkah laku sekolah. Iklm organisasi sekolah adalah sifat purata setiap individu di dalam sekolah, seperti moral guru, kemantapan staf sokongan dan juga latar belakang pelajar. Sistem sosial akan menjadi struktur yang formal dan tidak formal atau peraturan yang menentukan interaksi individu dan kumpulan di dalam sekolah. Ianya termasuklah komunikasi di antara pengetua dengan guru, penyertaan staf dalam membuat keputusan, penglibatan murid dalam membuat keputusan, dan hubungan di antara guru dengan pelajar (Tubbs, 2008).

Merujuk kepada Tubbs dan Gardner (2008), iklm organisasi adalah mencerminkan struktur dalaman, polisi, dan amalan; demografi keahlian; attitud atau sikap dan nilai yang ada pada ahli dan pemimpin; dan juga kualiti interaksi personal. Tambahan pula, keputusan tentang tingkah laku di dalam tempat kerja atau persekitaran pembelajaran, antara dari halus untuk kumulatif kepada dramatik, boleh mempengaruhi sama ada perasaan selamat personal individu, lebih mendengar, bernilai, dan melayan dengan lebih adil dan dengan penuh hormat (Peterson dan Skiba, 2001). Iklm organisasi secara signifikan berbeza dengan budaya sekolah; budaya adalah asas norma dan andaian terhadap kumpulan manakala iklm organisasi adalah persepsi terhadap semua norma dan andaian tersebut (Owens, 2004). Budaya adalah disimpulkan dari pemerhatian manakala iklm organisasi, atau persepsi di kalangan staff, boleh diukur secara kuantitatif dan kualitatif (Owens, 2004).

Dalam kajian ini pengukuran bagi persepsi guru terhadap iklm organisasi sekolah mereka menggunakan *School Climate Index (SCI)* yang diadaptasi daripada Hoy dan Sweetland (2000) oleh Tschannen-Moran, Parish dan Dipaola (2006). Empat dimensi dalam pemboleh ubah ini yang diukur ialah kepimpinan kolejial, profesionalisme guru, penekanan akademik dan penglibatan masyarakat digunakan. Dimensi yang pertama iaitu kepimpinan kolejial, mengarah kepada keperluan sosial ke atas keupayaan dan mencapai matlamat sekolah. Pengetua melayan guru-guru sebagai kawan sekerja profesional, terbuka, bersikap adil, dan mesra, tetapi pada masa yang sama menentukan dengan jelas jangkaan terhadap guru dan standard prestasi (Hoy, Smith, dan Sweetland, 2002). Tingkah laku professional guru adalah dilihat dengan hormat kepada kompeten rakan sekerja, komitmen kepada pelajar, penilaian autonomi, kerjasama dan sokongan. Dimensi ketiga adalah penekanan akademik yang mana sekolah telah menetapkan standard pencapaian akademik dan matlamat yang tinggi tetapi boleh dicapai. Pelajar berterusan, berusaha untuk mencapai, dan saling hormat menghormati antara satu sama lain dan juga kepada guru untuk kejayaan akademik mereka. Ibubapa, guru, dan pengetua memberi penekanan kepada standard yang tinggi dan peningkatan sekolah. Kelemahan institusi ialah sejauh mana sekolah terdedah kepada suara ibubapa dan kumpulan masyarakat. Kelemahan yang tinggi akan menyebabkan kedua-dua guru dan pengetua tidak dilindungi dan perlukan sesuatu sebagai pertahanan (Hoy, Smith, dan Sweetland, 2002).

Metod Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian penyelidikan yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji dan menentukan aras serta pengaruh iklm organisasi sekolah terhadap kesedaran metakognisi guru. Aspek penting yang perlu diberi perhatian ialah metodologi kajian yang mana ianya digunakan untuk mencari penyelesaian kepada persoalan kajian dan juga pengujian hipotesis kajian bagi memenuhi tujuan kajian yang telah ditetapkan. Kajian yang dibuat ini adalah kajian kuantitatif kerana ingin membuat tinjauan mahupun mengetahui kekuatan pengaruh dan perkaitan antara pemboleh ubah dan juga kerana memerlukan data

berbentuk angka. Kajian kuantitatif ini menggunakan rekabentuk “*eks post facto*” dengan menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Kaedah tinjauan (*survey*) digunakan dalam kajian ini. Kajian tinjauan merupakan kaedah mendapatkan maklumat dalam bentuk pendapat, sikap dan persepsi sesuatu populasi daripada respons individu yang dijadikan sampel (Creswell, 2005).

Reka bentuk penyelidikan ini dipilih bagi membolehkan kajian ini mengumpul dan menganalisis data berkaitan nilai varians yang disumbangkan oleh faktor iklim organisasi sekolah ke atas kesedaran metakognisi guru. Ianya juga amat penting untuk menentukan nilai peramal dimensi-dimensi iklim organisasi sekolah. Gay dan Arasian (2003) menyatakan bahawa reka bentuk kajian ini akan membolehkan pengkaji mengenal pasti faktor peramal utama yang menyebabkan berlakunya perbezaan terhadap pemboleh ubah bersandar tanpa mempersoalkan kewujudan pemboleh ubah bebas.

Sampel dan Persampelan

Terdapat 14 buah sekolah rendah berada di dalam zon pulau di Zon Utara Sabah ini dan kesemua sekolah tersebut terlibat di dalam kajian ini. Dua kategori guru dikecualikan iaitu guru yang tidak terlatih dan guru yang memegang jawatan kanan pentadbiran di sekolah. Oleh yang demikian, kajian ini melibatkan hanya 191 orang guru sahaja yang tidak terlibat dengan tugas-tugas pentadbiran di sekolah. Teknik persampelan bertujuan (*Purposive sampling*) digunakan di dalam kajian ini. Ini kerana responden yang dipilih adalah dengan tujuan khusus untuk mengukur pemboleh ubah – pemboleh ubah kajian dalam Zon ini sahaja. Pemilihan sampel teknik bertujuan adalah pemilihan berdasarkan tujuan mendapatkan individu dengan kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik. Penyelidik ini telah ada tujuan dan sasaran sampel mereka (Othman, 2013).

Instrumen Kajian

Bagi kajian ini, ianya dilaksanakan dengan menggunakan kajian kuantitatif dan untuk tujuan tersebut, pengkaji menggunakan dua jenis instrumen soal selidik bagi mengumpulkan data. Instrumen kajian tersebut ialah “*School Climate Index*” (SCI) sebanyak 28 item yang dibina oleh Tschannen-Moran, Parish dan Dipaola (2006) dan “*Metacognitive Awareness Inventory for Teacher*” (MAIT) sebanyak 24 item yang dibina oleh Balcinkanli (2011).

Menurut Faridah (2014) instrumen untuk mengukur iklim organisasi sekolah yang digunakan dalam kajian ini merupakan kombinasi di antara “*Organizational Health Index*” (OHI) dan “*Organizational Climate Description Question*” (OCDQ). “*School Climate Index*” (SCI) sebanyak 28 item yang dibina oleh Tschannen-Moran, Parish dan Dipaola (2006) berdasarkan kepada kajian Hoy et.al (1998) yang digunakan untuk menilai iklim sekolah dalam kajiannya, merupakan hasil semakan daripada “*Organizational Climate Index*” (OCI) 30 item iaitu versi yang dibina oleh Hoy, Tarter, dan Woolfolk-Hoy (2006).

Bagi skor min iklim organisasi sekolah, pembahagiannya adalah berdasarkan kepada kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu seperti Faridah (2014) dan Rahmah (2005), yang mengkategorikannya kepada tiga aras iaitu kurang positif, sederhana positif dan sangat positif. Penentuan jenis-jenis tersebut adalah berdasarkan kepada skor min seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Iklim Organisasi sekolah

Skor min Iklim Organisasi Sekolah	Tahap
$1.00 \leq M \leq 2.33$	Kurang Positif
$2.34 \leq M \leq 3.67$	Sederhana Positif
$3.68 \leq M \leq 5.00$	Sangat Positif

Sumber : Faridah (2014), Rahmah (2005)

Instrumen kedua yang digunakan bagi mengkaji kesedaran metakognisi guru ialah “*Metacognitive Awareness Inventory for Teacher*” (MAIT) sebanyak 24 item yang dibina oleh Balcinkanli (2011). Instrumen ini mempunyai enam dimensi iaitu Pengetahuan Deklaratif “*Declarative Knowledge*”,

Pengetahuan Prosedur “*Procedural Knowledge*”, Pengetahuan bersyarat “*Conditional Knowledge*”, perancangan “*Planning*”, pemantauan “*Monitoring*” dan penilaian “*Evaluating*”. Berdasarkan kepada Jadual 2, tahap kesedaran metakognisi guru dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min Kesedaran Metakognisi Guru

Skor min Metakognisi Guru	Tahap
$1.00 \leq M \leq 2.33$	Rendah
$2.34 \leq M \leq 3.67$	Sederhana
$3.68 \leq M \leq 5.00$	Tinggi

Sumber : Landell (1997)

Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan, data-data telah dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan perisian ‘*IBM SPSS Statistics Version 21*’ (*Predictive analysis statistic*). Menurut Hair (2010) pengukuran koefisien kebolehpercayaan yang menghasilkan ketekalan pada keseluruhan skala dan digunakan secara meluas ialah *Cronbach alpha*. Tahap kesahan ‘*validity*’ dinilai mengikut KMO (Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy) iaitu melebihi nilai yang disyorkan 0.5 dan ujian ‘Barlett’ adalah $p < .05$.

Prosedur Analisis Data

Pengaturcaraan *IBM SPSS Statistics Version 21* telah digunakan untuk memproses dan menganalisis data-data dan maklumat yang diperolehi daripada instrumen soal selidik yang telah dijawab oleh guru-guru. Statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan di dalam menganalisis data. Menurut Sekaran (1992) aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 ($p < 0.05$). Aras signifikan ini secara umumnya diterima dalam membuat keputusan statistik oleh kebanyakan pengkaji.

Statistik Inferensi

Statistik inferensi terdiri dari teknik-teknik yang membenarkan kita untuk mengkaji sampel dan seterusnya membuat generalisasi mengenai populasi dari mana mereka itu telah dipilih (Gravetter dan Wallnau, 2002). Statistik inferensi melibatkan kaedah yang menggunakan hasil daripada sampel untuk membuat keputusan, inferensi dan jangkaan terhadap populasi (Bahaman dan Mohd Majid, 2010). Menurut Othman (2013) statistik inferensi digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi daripada sampel dengan bertujuan membuat generalisasi tentang sesuatu populasi yang diwakili oleh sampel tersebut.

Bagi kajian ini, analisis data dibuat dengan menggunakan Regresi berganda di samping menggunakan statistik deskriptif untuk menerangkan taburan responden. Analisis regresi berganda digunakan untuk mengetahui perhubungan beberapa variabel peramal (sebab itu dinamakan berganda) dengan satu variabel kriterion. Variabel kriterion diberikan symbol (\hat{Y}). Analisis regresi berganda membolehkan anda meneroka hubungan linear antara beberapa variabel peramal dengan satu variabel kriterion pada skala interval atau ratio (Othman, 2013).

Dapatan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kekuatan pengaruh iklim organisasi sekolah terhadap kesedaran metakognisi guru. Iklim organisasi sekolah dinilai melalui empat dimensi iaitu kepimpinan kolejial, profesionalisme guru, penekanan akademik dan penglibatan masyarakat. Kesedaran metakognisi guru pula diukur menerusi enam dimensi iaitu ‘*declarative*’, ‘*procedural*’, ‘*conditional*’, ‘*planning*’, ‘*monitoring*’, dan ‘*evaluating*’. Pemeriksaan data yang dijalankan adalah seiring dengan saranan Pallant (2005) yang menjelaskan bahawa sebelum sesuatu data dianalisis, seseorang pengkaji

pada dasarnya perlu memeriksa data jika terdapat sebarang kesilapan kerana kesilapan yang kecil mampu mencacatkan analisis yang dijalankan. Proses ini penting bagi memastikan keputusan dapatan kajian adalah betul dan tepat (Creswell, 2008).

Kadar Sambutan Responden

Sebanyak 191 set borang soal selidik telah diedarkan dan jumlah borang soal selidik yang berjaya dikutip semula adalah 160 set (83.76%). Proses pemeriksaan data yang dilakukan telah mengugurkan 2 set borang soal selidik (1.04%) kerana tidak lengkap manakala sejumlah 3 set borang (1.57%) telah digugurkan semasa proses 'screening' kerana terdapat nilai 'outliers'. Proses 'screening' adalah perlu dilakukan bagi memastikan ketepatan dapatan kajian (Pallant, 2007). Akhirnya, sejumlah 155 (81.15%) soal selidik yang lengkap dan 'bersih' digunakan untuk analisis selanjutnya. Menurut Majid (2000) jumlah peratusan minimum soal selidik yang dikembalikan antara 50% dan 70% harus diterima. Oleh itu, jumlah pengembalian borang soal selidik dalam kajian ini adalah tinggi. Jadual 3 menunjukkan ringkasan kadar pulangan soal selidik dan jumlah yang digunakan untuk menganalisis dapatan seterusnya.

Jadual 3: Kadar Pulangan Soal Selidik

Borang Soal Selidik	Bilangan	Peratus
Borang soal selidik yang telah diedar	191	100
Borang soal selidik yang telah dikembalikan	160	83.76
Borang soal selidik tidak lengkap	2	1.04
Borang soal selidik digugur kerana nilai 'outliers'	3	1.57
Jumlah borang soal selidik untuk dianalisis	155	81.15

Taburan Responden Mengikut Jantina

Taburan data dalam Jadual 4 memperihalkan jantina responden. Berdasarkan kepada keputusan analisis, didapati bahawa komposisi responden mengikut jantina menunjukkan bilangan guru lelaki adalah seramai 120 orang, hampir tiga kali ganda jumlahnya berbanding guru perempuan (35) yang masing-masing mewakili 77.4% dan 22.6%. Perbezaan ini tidak dapat dielakkan apabila pemilihan sampel yang digunakan adalah persampelan bertujuan dalam populasi yang mempunyai responden guru lelaki lebih ramai daripada guru perempuan.

Jadual 4 : Taburan Responden Mengikut Jantina (n=155)

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	120	77.4%
Perempuan	35	22.6%
Jumlah Keseluruhan	155	100%

Ujian Kenormalan, Kesahan dan Kebolehpercayaan

Penentuan dalam bentuk bukan grafik digunakan untuk menentukan aras kenormalan instrumen kajian. Penentuan bukan grafik dalam kajian ini diukur menerusi nilai *Kolmogorov-Smirnov* yang berdasarkan aras signifikan *Liliefors* bagi bilangan sampel lebih daripada 100 ($n > 100$). Hasil analisis mendapati data kajian berada pada aras yang normal bagi kedua-dua instrumen soal selidik.

Jadual 5 : Statistik taburan kenormalan data

	Kolmogorov-Smirnov			Shapiro-Wilk		
	Statistik	Df	Sig.	Statistik	Df	Sig.
Kesedaran Metakognisi Guru	.072	155	.045	.984	155	.066
Iklim Organisasi Sekolah	.061	155	.200*	.982	155	.044

Analisis bagi instrumen kesedaran metakognisi guru berdasarkan analisis *IBM SPSS Statistics Version 21 'statistical software programme'* yang digunakan, keputusan menunjukkan tahap kesahan 'validity' mengikut *KMO (Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy)* ialah 0.904 dan nilai untuk ujian 'Barlett Test' $p < .05$ (.000) adalah signifikan. Manakala keputusan analisis bagi instrumen iklim organisasi sekolah menunjukkan tahap kesahan 'validity' mengikut *KMO (Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy)* ialah 0.901 dan nilai untuk ujian 'Barlett Test' $p < .05$ (.000) juga signifikan. Melalui analisis yang telah dibuat, Kedua-dua instrumen juga mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .934 (α) untuk kesedaran metakognisi guru dan .938 (α) untuk iklim organisasi sekolah.

Jadual 6: Analisis Cronbach's Alpha

Variabel	Cronbach Alpha	Bil Item
Kesedaran metakognisi Guru	.934	24
Iklim Organisasi Sekolah	.938	28

Tahap Kesedaran Metakognisi Guru

Skor min dan sisihan piawai bagi keseluruhan tahap konstruk kesedaran metakognisi guru masing-masing ialah ($M=4.11$, $SD=.40$). Nilai tersebut menjelaskan bahawa guru-guru tersebut mempunyai aras kesedaran metakognisi yang tinggi dan positif. Secara keseluruhannya berdasarkan paparan jadual 7, seramai 128 orang atau 81.9% responden menilai tahap kesedaran metakognisi mereka yang sangat positif manakala tiada guru yang menilai kesedaran metakognisi mereka sebagai rendah. Selebihnya iaitu seramai 27 orang (18.1%) menilai tahap kesedaran metakognisi berada pada aras yang sederhana positif. Dapatan kajian ini telah menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu secara holistiknya bolehlah dinyatakan bahawa aras kesedaran metakognisi guru di sekolah-sekolah kajian berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 7: Tahap Kesedaran Metakognisi Guru

Pemboleh ubah	Tahap	Kekerapan	Peratus %	M	SD
Kesedaran Metakognisi Guru	Rendah	0	0	4.11	.40
	Sederhana	27	18.1		
	Tinggi	128	81.9		

Tahap Iklim Organisasi Sekolah

Skor min dan sisihan piawai bagi keseluruhan tahap konstruk iklim organisasi sekolah masing-masing ialah ($M=4.15$, $SD=.40$). Nilai tersebut menjelaskan bahawa guru-guru tersebut mengalami iklim organisasi sekolah yang sangat positif. Berdasarkan paparan jadual 8, seramai 134 orang atau 86.5% responden mempersepsikan iklim organisasi sekolah yang sangat positif manakala tiada guru yang menilai iklim organisasi sekolah mereka sebagai kurang positif. Manakala bakinya seramai 21 orang (13.5%) mengalami iklim organisasi sekolah yang sederhana positif. Dapatan kajian ini telah menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu secara holistiknya bolehlah dinyatakan bahawa aras iklim organisasi sekolah-sekolah kajian berada pada tahap yang sangat positif.

Jadual 8: Tahap Persepsi Guru terhadap Tahap Iklim Organisasi Sekolah

Pemboleh ubah	Tahap	Kekerapan	Peratus %	M	SD
Iklim Organisasi Sekolah	Kurang Positif	0	0	4.15	.40
	Sederhana Positif	21	13.5		
	Sangat Positif	134	86.5		

Analisis Regresi

Teknik analisis regresi berganda dijalankan bagi menentukan aras kesignifikan hubungan dan sumbangan varians pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Pengujian hipotesis nol melibatkan tiga dimensi pemboleh ubah peramal yang diregresikan dengan kesedaran metakognisi guru sebagai pemboleh ubah bersandar. Jadual 9 adalah ringkasan model regresi bagi dimensi-dimensi faktor efikasi guru sebagai pemboleh ubah peramal dan kesedaran metakognisi guru sebagai pemboleh ubah bersandar. Teknik 'enter' digunakan untuk menganalisis data. Berdasarkan kepada dapatan kajian, dua dimensi iklim organisasi didapati berupaya untuk memberikan pengaruh nilai peramal kepada kesedaran metakognisi guru iaitu dimensi kepimpinan kolejial dan dimensi penekanan akademik. Hasil dapatan kajian memperlihatkan nilai keseluruhan $R=.592$ menunjukkan terdapatnya korelasi positif yang kuat antara keempat-empat dimensi iklim organisasi sekolah tersebut dengan kesedaran metakognisi guru. Manakala nilai R^2 menjelaskan jumlah varians yang disumbangkan oleh dimensi-dimensi tersebut keatas pemboleh ubah kriteria iaitu kesedaran metakognisi guru. Oleh yang demikian, nilai $R^2=.350$ bagi dimensi-dimensi dalam iklim organisasi sekolah apabila disandarkan kepada pemboleh ubah kesedaran metakognisi guru menyumbang nilai varians sebanyak 35%.

Jadual 9: Ringkasan Model Analisis Regresi

Model	R	R ²	R ² Terlaras	SE
1	.592	.350	.333	.32824

Nilai R adalah dirujuk untuk menentukan kekuatan hubungan keseluruhan pemboleh ubah peramal dengan pemboleh ubah kriteria.

Jadual 10 memaparkan dapatan analisis ujian ANOVA bagi pemboleh ubah bebas faktor iklim organisasi sekolah dan pemboleh ubah bersandar iaitu kesedaran metakognisi guru. Hasil dapatan analisis menunjukkan dua dimensi faktor iklim organisasi sekolah berupaya menjadi pengaruh atau penyumbang kepada kesedaran metakognisi guru iaitu $[F(4, 150) = 20.299, p=.000]$ pada aras keertian $p<.05$ dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa model regresi berganda ini sesuai dengan data yang mencadangkan 35% sumbangan varians tersebut adalah signifikan antara pemboleh ubah kriteria dengan pemboleh ubah peramal iaitu dimensi penekanan akademik dan kepimpinan kolejial.

Jadual 10: Analisis Varians Faktor Iklim Organisasi Sekolah Terhadap Kesedaran Metakognisi Guru

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	df	MS	F	Sig.
Regressi	8.718	4	2.180	20.229	.000
Residual	16.161	150	.108		
Jumlah	24.880	154			

Untuk menilai sumbangan dimensi-dimensi dalam faktor iklim organisasi sekolah terhadap kesedaran metakognisi guru, maka analisis regresi pelbagai dijalankan. Nilai Beta (β) telah dibandingkan untuk menentukan sumbangan varians bagi setiap pemboleh ubah peramal terhadap kesedaran metakognisi guru. Sementara itu nilai t adalah bagi mengenal pasti peramal utama bagi dimensi-dimensi faktor metakognisi guru iaitu penentuan aras signifikan perbezaan nilai b daripada sifar. Keputusan analisis dalam Jadual 11 menunjukkan bahawa dua dimensi yang merupakan peramal utama adalah dimensi kepimpinan kolejial ($\beta=.293, t= 3.536, p<.05$) dan dimensi penekanan akademik ($\beta=.411, t= 3.921, p<.05$).

Jadual 11: Jadual Pekali Regresi

Pemboleh ubah	B	SE	β	T	Sig.
---------------	---	----	---------	---	------

Constant	1.887	.275		6.856	.000
Penglibatan Masyarakat	-.011	.073	-.014	-.151	.880
Kepimpinan Kolegial	.238	.067	.293	3.536	.001
Profesionalisme Guru	-.026	.079	-.032	-.338	.736
Penekanan Akademik	.337	.086	.411	3.921	.000

Aras signifikan $p < 0.05$ (Ujian dua hujung)

Pemboleh ubah bersandar : Kesedaran Metakognisi Guru

Dapatan kajian ini menunjukkan apabila dimensi kepimpinan kolegial bertambah sebanyak satu unit maka tahap kesedaran metakognisi guru akan meningkat sebanyak .293 dan apabila dimensi penekanan akademik bertambah sebanyak satu unit maka tahap kesedaran metakognisi guru akan meningkat sebanyak .411. Parameter bagi model regresi adalah seperti berikut:

$$Y_{\text{Kesedaran Metakognisi Guru}} = \text{Pemalar} + X_1 \text{ 'Kepimpinan Kolegial'} + X_2 \text{ 'Penekanan Akademik'} + \text{ralat}$$

$$Y_{\text{Kesedaran Metakognisi Guru}} = 1.887 + .293 \text{ 'Kepimpinan Kolegial'} + .411 \text{ 'Penekanan Akademik'} + \text{ralat}$$

Secara keseluruhannya andaian bahawa dimensi di dalam pemboleh ubah iklim organisasi sekolah tidak menyumbang varians kepada kesedaran metakognisi guru secara signifikan tidak dapat disokong. Oleh itu, berdasarkan kepada dapatan kajian mendapati bahawa faktor iklim organisasi sekolah telah mempengaruhi kesedaran metakognisi guru menerusi dua dimensinya dan secara statistik menolak H_{01} iaitu tidak terdapat sumbangan nilai peramal yang signifikan dimensi iklim organisasi sekolah ke atas kesedaran metakognisi guru.

Perbincangan Hasil Kajian

Kajian ini meneroka tahap dan pengaruh antara dimensi-dimensi iklim organisasi sekolah ke atas kesedaran metakognisi guru. Kedua-dua pemboleh ubah ini dilihat memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang guru sebagai pelaksana utama kurikulum di dalam mencapai matlamat pendidikan. Dapatan kajian ini mendapati bahawa guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah pulau di Zon Utara Sabah ini menilai tahap kesedaran metakognisi mereka adalah tinggi dan berada pada aras yang sangat positif. Dapatan kajian juga mendapati bahawa guru-guru mempersepsikan iklim organisasi sekolah mereka secara keseluruhan berada pada aras yang tinggi dan positif. Secara khususnya, walaupun bertugas di kawasan yang terpencil dan mencabar, guru-guru merasakan mereka tetap mempunyai tahap keyakinan yang tinggi untuk menjayakan tugas pengajaran yang meliputi keupayaan melibatkan pelajar dalam pembelajaran, membina sistem pengurusan kelas yang mampu dipatuhi oleh semua pelajar serta berkeupayaan dalam mempraktikkan strategi pengajaran baharu serta mempelbagaikan kaedah pentaksiran dalam kelas. Guru juga menimbang semula rancangan pengajaran sebelum memasukan ia di dalam tugas pembelajaran, strategi menilai dan membuat pengurangan serta merancang pelan tindakan baru ketika tugas tersebut dilaksanakan dan selesai dilaksanakan.

Keputusan analisis regresi berganda mendapati bahawa iklim organisasi sekolah secara tuntasnya menyumbang varians yang signifikan keatas kesedaran metakognisi dengan nilai pengaruh sebanyak 35%. Dua dimensi di dalam faktor iklim organisasi sekolah iaitu dimensi kepimpinan kolegial dan penekanan akademik dilihat memberikan sumbangan nilai peramai yang signifikan terhadap kesedaran metakognisi dimana apabila dimensi kepimpinan kolegial bertambah sebanyak satu unit maka tahap kesedaran metakognisi guru juga akan meningkat sebanyak .293 dan apabila dimensi penekanan akademik bertambah sebanyak satu unit maka tahap kesedaran metakognisi guru juga akan meningkat sebanyak .411. Oleh itu amat jelas sekali bahawa iklim organisasi sekolah mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kesedaran metakognisi guru yang seterusnya juga mencorakan bentuk dan kejayaan pelaksanaan kurikulum di dalam bilik darjah dan sekolah.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, sekolah-sekolah di zon pedalaman pulau ini menunjukkan wujudnya interaksi yang sihat antara guru dengan murid, sesama guru dan antara guru dengan pentadbir. Guru dan guru besar mempunyai harapan yang jelas tentang tanggung jawab, saling menghormati dan kepimpinan berjalan dengan lancar untuk memenuhi keperluan kedua-dua kumpulan iaitu pemimpin dan yang dipimpin. Kecemerlangan akademik ditekankan, guru dan murid-murid percaya kepada diri sendiri, hormat antara satu sama lain, meletakkan matlamat yang tinggi tetapi mampu dicapai dan bekerja keras untuk mencapai kejayaan. Pemimpin sekolah pula bersifat menyokong, bekerjasama, peramah dan mudah didekati dan mempunyai harapan yang tinggi terhadap guru-guru (Hoy et,al, 2002).

Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini mendapati bahawa guru-guru yang bertugas dalam sekolah yang berkongsi matlamat dan tujuan yang jelas, bersikap terbuka dengan pemerhatian oleh rakan-rakan sekerja dan disokong oleh kepimpinan yang prihatin dari pihak pentadbir menjadikan guru lebih berasa yakin akan keupayaannya melaksanakan pelbagai strategi pengajaran berdasarkan tahap kesedaran metakognisi mereka. Pembinaan iklim organisasi sekolah yang positif akan mewujudkan kemesraan dan persamaan dalam kalangan ahli organisasi dan seterusnya memberikan faedah kepada guru-guru dan memberikan manfaat yang besar terhadap murid-murid. Pentadbir sekolah perlu lebih bersikap terbuka dan memberi sokongan serta kebebasan kepada guru-guru untuk merancang dan melaksanakan tugas pengajarannya. Kebebasan yang diberikan kepada guru untuk melaksanakan tugas serta budi bicara pentadbir merupakan faktor yang menyumbang kepada komitmen guru terhadap organisasi (Rosenholtz dan Simpson, 1990).

Kajian lanjutan adalah penting bagi melihat pengaruh kesignifikan faktor iklim organisasi sekolah ke atas kesedaran metakognisi guru. Dari segi jenis data yang dipilih, kajian ini bergantung kepada data yang bersifat kuantitatif. Perkara ini menjadikan dapatan kajian ini bersifat "*direct to the point*" tanpa melihat konteks "mengapa". Justeru, kajian lanjutan dengan menggunakan kaedah kualitatif adalah wajar dilakukan bagi mendalami pengaruh sumbangan pemboleh ubah - pemboleh ubah berkenaan terhadap keyakinan guru dalam menghadapi kepelbagaian rintangan bagi meningkatkan tingkah laku positif dan motivasi pelajar dalam pembelajaran dan seterusnya meningkatkan pencapaian murid. Kajian ini yang melihat pengaruh iklim organisasi sekolah ke atas kesedaran metakognisi guru telah dilaksanakan dalam konteks sekolah-sekolah rendah pulau di Zon Utara Sabah. Kajian lanjutan dengan skop yang lebih meluas juga disyorkan bagi melihat sumbangan pemboleh ubah - pemboleh ubah berkenaan serta melihat aras kesedaran metakognisi dan iklim organisasi sekolah di semua sekolah-sekolah pulau di Malaysia dan seterusnya membuat perbandingan antara wilayah iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kajian yang berbentuk perbandingan akan meneroka dapatan yang lebih terbuka dalam konteks tempatan dan menjadi indikator penting dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik pelajar terutama yang berada di kawasan pedalaman pulau. Perbezaan latar kajian serta kemungkinan kewujudan faktor-faktor lain menjadikan kajian akan lebih menarik dengan dapatan kajian yang bakal memberikan sumbangan dan input kepada perancangan dan pelaksanaan pembangunan pendidikan secara menyeluruh dalam semua negeri di Malaysia.

Kesimpulan

Kajian ini diharapkan mampu membantu para pendidik dan pentadbir sekolah agar dapat melihat kepentingan faktor iklim organisasi sekolah terhadap pembentukan metakognisi guru. Aspek-aspek ini amat penting untuk diperkasakan kerana ianya memberikan pengaruh yang kuat terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah oleh guru. Oleh itu diharapkan adanya usaha-usaha yang lebih baik untuk melakukan perubahan terhadap hubungan antara pentadbir dengan guru. Hubungan baik antara pentadbir dan guru mendorong kepada memudahkan pelaksanaan kurikulum untuk menghasikan pendidikan berkualiti demi memenuhi tuntutan dan harapan jutaan rakyat negara ini untuk melihat pendidikan di negara ini berada pada tahap yang sewajarnya. Oleh itu, harapan dan hasrat untuk memastikan pencapaian murid-murid untuk lebih signifikan dan cemerlang menuntut komitmen dan

usaha yang penuh dari guru dan mendapat sokongan dari pihak pentadbiran sekolah. Dengan kesungguhan dan pertimbangan sewajarnya yang lebih jujur dan serius mampu memberikan nilai tambah yang efektif dalam pelaksanaan kurikulum, dasar dan sistem pendidikan kebangsaan. Ini amat penting bagi guru untuk memikul dan melaksanakan tanggungjawab tersebut, apatah lagi didokong oleh hasrat untuk menjadikan sistem pendidikan kebangsaan untuk lebih universal dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Rujukan

- Abdullah Sani Yahaya. (2005). *Mengurus sekolah*. Kuala Lumpur : PTS Professional Educational planning.
- Alsubaie. M.A. (2016). *Curriculum Development: Teacher Involvement in Curriculum Development*. Journal of Education and Practice. 7(9).
- Balcikanli, C. (2011). *Metacognitive Awareness Inventory for Teachers*. Electronic Journal of Research in Educational Psychology, 9(3), 1309-1332.
- Bahaman Abu Samah & Mohd Majid Konting. (2010). *Statistik Pendidikan*. Serdang: UPM.
- Bulent. A & Gulru. Y . (2012). *An Examination Into Self-Efficacy, Metacognition and Academic Performance of Pre-Service ELT Students: Prediction and Difference*. Kalem Eğitim ve İnsan Bilimleri Dergisi, 2(1), 143-165.
- Cameron, R. J. & Reynolds, A. R. (1999). *Learning style and metacognition*. Psychology in education portfolio. Windsor: NFER-Nelson.
- Campbell, R.F., Corbally J. E., & Nystrand R. O. (1983). *Introduction to educational administration*. USA: Allyn and Bacon, Inc.
- Creswel, J.W. (2005). *Educational research*, HJ: Pearson.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative research (3rd Edition)*, New Jersey: Pearson Prentice hall
- Dewi Isma Madzlan @ Madlan. (2015). *Program Pembangunan Profesionalisme Guru, Faktor stress Terhadap Efikasi Guru-Guru Sekolah Menengah Di Sabah*. Disertasi PhD. Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- Faridah Abdullah. (2014). *Pengaruh Iklim Organisasi Sekolah Dan Efikasi Kolektif Terhadap Efikasi Guru-Guru Sekolah Menengah di Sabah*. Disertasi PhD. Universiti Malaysia Sabah.
- Flavell, J. (1976) . *Metacognitive aspects of problem solving In L. Resnick (Ed.)*, The nature of intelligence (pp. 231-236). Hillside, N.J: Erlbaum.
- Flavell, J. (1979). *Metacognition and cognitive monitoring: a new era of cognitive developmental inquiry*. American Psychologist, 34(10), 906-911.
- Gay, L.R. & Airasian, P. (2003). *Educational research: Consequences for analysis and applications (7th ed.)*. Upper saddle River, NJ: Pearson.
- Getzels, J.W., & Guba E.G. (1970). *Social behavior and the administrative process, selected readings on general supervision*. The Macmillan Company, London.
- Goteti, H. (2012). *Stress and adjustment of teachers of colleges of education – An empirical study*. International Journal of Multidisciplinary Educational Research, 1(2).
- Gravetter, F.J., & Wallnau, L.B. (2002). *Essentials of Statistics for the Behavioral Sciences (4th edition)*. Canada: Wadsworth-Thomas Learning.
- Hacker, D. J., Keener, M. C., & Kircher, J. C. (1998). *Writing is applied metacognition*. In D. J. Hacker, J. Dunlosky & A. C. Graesser (Eds.), Handbook of metacognition in education (pp. 154–172). New York: Routledge.
- Hair, J., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis (7th ed.)*. Upper saddle River, New Jersey: Pearson Education International
- Hoy, W.K & Sweetland, S.R.(2000). *School bureaucracies that work: Enabling, not coercive*. Journal of School Leadership, 10:524-541.
- Hoy, W.K., Smith, P.A., & Sweetland, S.R. (2002a). *The development of the Organizational Climate Index for high schools: Its measure and relationship to faculty trust*. The High School Journal, 86: 38-49.

- Hoy, W.K, Tarter, C.J. & Woolfolk Hoy, A. (2006). *Academic optimism: A second order confirmatory analysis*. In W.K. Hoy & Miskel, C.G. (Eds.), contemporary issues in educational policy and school outcomes (pp. 135-149). Greenwich, CT: Information Age Publishing.
- Kilpatrick, J. (1985). *A Retrospective Account of the Past 25 Years of Research on Mathematical Problem-solving*. In E.A. Silver (ed.), Teaching and Learning Mathematical Problem-Solving: Multiple Research Perspectives. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum
- Kluwe, R. (1982). *Cognitive Knowledge and Executive control: Metacognition*.
- Kurtz, B., & Borkowski, J. (1984). *Children's metacognition: Exploring relations among knowledge, process and motivational variables*. Journal of Experimental Child Psychology, 37(2), 335-354.
- Landell K. (1997). "Management by Menu." London: Wiley dan Sons Inc.
- Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan: Tesis Penyelidikan & Statistik*. Selangor: Penerbitan UPM Press.
- Owens, J.A. (2004). *Sleep in children: Cross-cultural perspectives*. In Sleep and Biological Rhythms, 2(3), 165–173.
- Pallant, J. (2005). *SPSS survival manual: a step by step guide to data analysis using SPSS for windows (Version 12)*. 2nd ed. Maidenhead: Open University Press.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual*. Maidenhead, Berkshire, England: Open University Press.
- Peterson, R.L. and Skiba, R. (2001). *Creating school climates that prevent school violence*. The Clearing House, 74(3), 155-163.
- Rahmah, M. (2005). *Factors associated with sense of efficacy among first year teachers in Sarawak*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Putra Malaysia.
- Rosenhotz, S.J. & Simpson, C. (1990). *Workplace conditions and the rise and fall of teacher's commitment*. Sociology of Education, 63:241-247
- Rothstein, J. (2010). "Teacher Quality In Educational Production: Tracking, Decay and Student Achievement." Quarterly Journal of Economics, 125(1): 175-214
- Schraw, G. & Dennison, R. S. (1994). *Assessing metacognitive awareness*. Contemporary Educational Psychology 19: 460–475.
- Schraw, G., & Moshman, D. (1995). *Metacognitive theories*. Educational Psychology Review, 7(4), 351-371.
- Schraw, G. (1998). *Promoting metacognitive awareness*. International Science, 26:113-125.
- Schraw, G. (2001). *Promoting general metacognitive awareness*. In H. J. Hartman (Ed.), Metacognition in learning and instruction: theory, research and . (pp. 3-16). Dordrecht: Kluwer.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business – A skill building approach*. (2nd Ed). United States of America: John Wiley & Sons, Inc.
- Tall, D. (1992). *Students' Difficulties in Calculus*. Retrieved Nov 28, 2007 from <http://www.warwick.ac.uk/staff/David.Tall/pdfs/dot1993k-calculus-wg3-icme.pdf>.
- Tschannen-Moran, M., Parish, J. & DiPabola, M.F. (2006). *School climate and state standards: How interpersonal relationships influence student achievement*. Journal of school, 16: 386-415.
- Tubbs, J.E., & Garner, M. (2008). *The Impact Of School Climate On School Outcomes*. Journal of College Teaching & Learning 5(9).